PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah kekal stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) tidak berubah pada 3.00% pada suku pertama 2012. Paras OPR semasa ini mencerminkan keadaan monetari yang terus menyokong aktiviti ekonomi negara.

Dengan OPR yang tidak berubah ini, kadar antara bank semalaman purata (average overnight interbank rate, AOIR) stabil pada suku pertama. Pada tempoh 3 Januari – 30 Mac 2012, AOIR bergerak dalam julat kecil antara 2.95% hingga 3.00%. Kadar antara bank bagi tempoh matang jangka pendek lain juga secara relatif stabil.

Walau bagaimanapun, kadar bagi swap kadar faedah (interest rate swaps, IRS) dan pasaran hadapan 3 bulan KLIBOR meningkat pada suku pertama disebabkan pasaran mengubah jangkaan awal terhadap pengurangan OPR apabila pertumbuhan KDNK lebih kukuh daripada jangkaan pada suku keempat 2011, selain keadaan ekonomi dan kewangan global yang bertambah baik.

Kadar deposit runcit kekal stabil pada suku pertama. Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Pada akhir bulan Mac 2012, kadar FD disebut purata bagi tempoh antara 1 hingga 12 bulan masing-masing adalah antara 2.93% hingga 3.21%.

Kos peminjaman juga stabil pada suku pertama. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.53% sepanjang tempoh tersebut. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul kekal stabil pada 5.62% pada akhir bulan Mac 2012 (akhir bulan Disember 2011: 5.65%). Kos peminjaman kepada sektor perniagaan dan isi rumah kekal di bawah paras sebelum krisis.

Kadar Antara Bank Semalaman Purata Wajaran Harian



Sumber: Bank Negara Malaysia

Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah



Sumber: Bloomberg

Niaga Hadapan 3 Bulan KLIBOR



Sumber: Bursa Malaysia

Kadar Faedah

	2011		2012
	S1	S4	S1
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	2.75	3.00	3.00
Kadar antara bank			
Semalaman	2.74	2.99	3.00
1 bulan	2.79	3.05	3.06
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.27	6.53	6.53
Kadar pinjaman purata (ALR) wajaran			
Bank perdagangan	5.64	5.65	5.62
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
1 bulan	2.71	2.95	2.93
12 bulan	2.98	3.22	3.21

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Purata bagi tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

M3 terus berkembang

Agregat monetari terus berkembang pada suku pertama 2012. Wang secara kecil, atau M1, meningkat sebanyak RM13.3 bilion. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 13.2% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 11: 15.1%). Wang secara luas, atau M3, meningkat sebanyak RM38.8 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan 15% pada akhir bulan Mac 2012 (akhir bulan Disember 11: 14.4%).

Penambahan M3 mencerminkan pemberian kredit yang berterusan kepada sektor swasta, sejajar dengan kadar aktiviti ekonomi yang mampan. Peningkatan dalam aliran masuk modal bersih, yang memberikan kesan pengembangan terhadap M3, telah dicerminkan oleh peningkatan aset asing bersih dalam sistem perbankan. Walau bagaimanapun, pengembangan M3 sebahagiannya diimbangi oleh pengeluaran deposit oleh sektor swasta untuk pembelian sekuriti terbitan Kerajaan.

Pada suku pertama, mudah tunai sistem perbankan yang lebih tinggi daripada aliran masuk modal disterilisasi oleh Bank Negara Malaysia menerusi pelbagai instrumen.

Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh			
	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
M3	**28.0**	**55.2**	**156.3**	**38.8**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-3.7	-7.3	-12.0	-4.9
Tuntutan terhadap sektor swasta	22.8	35.7	116.4	23.1
Pinjaman	*26.5*	*33.4*	*111.8*	*18.4*
Sekuriti	*-3.7*	*2.2*	*4.6*	*4.7*
Aset asing bersih[1]	25.2	7.5	95.8	17.2
BNM	*15.7*	*11.2*	*87.0*	*0.4*
Sistem Perbankan	*9.5*	*-3.8*	*8.8*	*16.8*
Pengaruh lain	-16.3	19.3	-43.9	3.3

[1] Sebelum penilaian semula

Sumber: Bank Negara Malaysia

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pembiayaan sektor swasta lebih kukuh

Pada suku pertama, keadaan pembiayaan kekal menyokong aktiviti ekonomi. Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM259.9 bilion (S4 11: RM240.6 bilion). Pembiayaan yang lebih tinggi ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) bersih. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 13.3% pada akhir bulan Mac 2012 (S4 11: 12.5%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam sektor perniagaan, walaupun pinjaman terkumpul daripada sistem perbankan menjadi sederhana sedikit disebabkan oleh pembayaran balik yang besar pada suku pertama, pinjaman yang dikeluarkan kepada perniagaan kekal tinggi. Sebahagian besar pinjaman ini dikeluarkan untuk membiayai modal kerja dalam *sektor borong dan runcit, restoran dan hotel; kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan,* serta *bekalan elektrik, gas dan air*. Permintaan terhadap pembiayaan baharu oleh perniagaan meningkat dengan permohonan pinjaman yang lebih tinggi terutamanya daripada sektor *pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi; harta tanah; kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan*, serta sektor *borong dan runcit, restoran dan hotel*. Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat pada kadar pertumbuhan 10.8% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 11: 13.5%).

Pembiayaan kepada sektor isi rumah berkembang lebih sederhana sebanyak RM11.9 bilion untuk meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 11.9% pada akhir bulan Mac (S4 11: RM17.7 bilion atau 12.9%).

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2011			2012	2011			2012
	S1	S4	2011	S1	S1	S4	2011	S1
Jumlah pembiayaan kasar	**201.4**	**240.6**	**890.8**	**259.9**	**6.1**	**8.9**	**10.8**	**29.1**
Pengeluaran pinjaman*	188.6	219.7	811.3	216.7	8.2	16.3	12.0	14.9
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	11.6	17.1	66.9	41.9	161.3	-2.1	42.6	260.6
Ekuiti	1.1	3.8	12.6	1.3	-89.9	-73.9	-60.7	20.7
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**32.8**	**32.1**	**147.4**	**45.8**	**12.1**	**12.5**	**12.5**	**13.3**
Sistem perbankan	25.9	31.7	122.5	25.0	12.4	12.9	12.9	12.5
Pinjaman terkumpul (A)	*28.8*	*31.2*	*120.2*	*19.7*	*13.2*	*13.6*	*13.6*	*12.2*
Pemegangan PDS	*-2.8*	*0.5*	*2.2*	*5.3*	*2.1*	*3.6*	*3.6*	*17.3*
PDS terkumpul (B)	4.0	0.8	27.2	26.1	8.7	9.3	9.3	16.5
Memoranda								
PDS kasar (termasuk Cagamas)	12.2	18.3	69.6	44.8	161.3	-5.2	33.4	266.5

*Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2011			2012	2011			2012
	S1	S4	2011	S1	S1	S4	2011	S1
Jumlah								
Permohonan pinjaman	168.5	192.3	745.4	195.4	26.8	10.9	16.2	16.0
Kelulusan pinjaman	87.6	104.0	400.3	89.8	25.0	13.4	16.6	2.4
Pengeluaran pinjaman	188.6	219.7	811.3	216.7	8.2	16.3	12.0	14.9
Bayaran balik pinjaman	168.1	195.5	725.6	205.5	8.8	16.5	11.8	22.2
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	28.8	31.2	120.2	19.7	13.2	13.6	13.6	12.2
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan**								
Permohonan pinjaman	79.6	95.7	357.9	105.3	32.6	16.6	19.9	32.3
Kelulusan pinjaman	38.9	52.5	193.3	45.3	32.8	20.8	21.3	16.5
Pengeluaran pinjaman	122.1	150.8	543.5	152.5	4.2	21.1	12.5	24.9
Bayaran balik pinjaman	109.8	137.8	494.7	146.0	4.3	21.9	11.6	32.9
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	11.3	13.2	44.8	3.6	10.9	13.5	13.5	10.8
PKS**								
Permohonan pinjaman	37.7	40.8	163.4	54.3	35.0	19.3	27.3	44.0
Kelulusan pinjaman	16.4	15.9	70.4	16.5	27.3	10.8	21.8	0.4
Pengeluaran pinjaman	41.6	48.5	179.9	47.3	17.3	21.9	22.3	13.7
Bayaran balik pinjaman	37.2	43.9	159.7	46.1	11.4	17.2	16.4	23.7
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	3.4	8.2	24.8	4.8	2.4	19.3	19.3	19.9
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	41.9	54.9	194.5	51.0	30.5	14.6	14.3	21.7
Kelulusan pinjaman	22.4	36.6	122.9	28.8	37.1	25.8	21.1	28.3
Pengeluaran pinjaman	80.4	102.3	363.6	105.1	-1.5	20.7	8.2	30.7
Bayaran balik pinjaman	72.6	94.0	335.0	99.9	1.1	24.3	9.5	37.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	7.9	5.0	20.0	-1.2	17.0	9.8	9.8	5.1
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	88.9	96.7	387.5	90.2	22.0	5.8	13.0	1.4
Kelulusan pinjaman	48.8	51.5	207.0	44.5	19.4	6.7	12.4	-8.8
Pengeluaran pinjaman	66.6	68.9	267.7	64.2	16.4	7.1	10.9	-3.5
Bayaran balik pinjaman	58.3	57.7	231.0	59.5	18.4	5.2	12.0	2.1
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	14.8	17.7	63.1	11.9	13.2	12.9	12.9	11.9

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
**Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	S1 11	S4 11	2011	S1 12		
	(RM bilion)				(%)	
Perusahaan perniagaan	**122.1**	**150.8**	**543.5**	**152.5**	**70.4**	**44.8**
Syarikat besar	*80.4*	*102.3*	*363.6*	*105.1*	*48.5*	*29.4*
*PKS**	*41.6*	*48.5*	*179.9*	*47.3*	*21.8*	*15.4*
Sektor terpilih						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	5.6	6.1	22.9	5.7	2.6	2.2
Perlombongan dan kuari	1.1	1.3	5.1	1.4	0.6	0.5
Perkilangan	41.2	47.4	175.6	46.3	21.3	9.0
Pembinaan	10.3	14.0	45.1	11.9	5.5	3.9
Harta tanah	6.4	9.6	33.3	8.0	3.7	5.3
Bekalan elektrik, gas dan air	1.5	1.4	5.6	1.7	0.8	1.0
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	30.8	38.0	139.7	44.1	20.3	7.3
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	4.4	6.4	19.7	4.6	2.1	2.8
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	14.9	16.4	63.0	21.5	9.9	7.3
Isi rumah	**66.6**	**68.9**	**267.7**	**64.2**	**29.6**	**55.2**
Pembelian harta kediaman	15.0	17.0	64.5	16.4	7.6	25.8
Kredit penggunaan	40.1	41.6	162.9	37.1	17.1	19.5
Antaranya:						
Kad kredit	*23.3*	*23.6*	*93.7*	*21.4*	9.9	3.1
Pembelian kereta penumpang	*8.9*	*9.3*	*35.7*	*8.6*	*4.0*	*11.4*
Lain-lain	11.4	10.3	40.3	10.7	*4.9*	*9.8*
Jumlah	**188.6**	**219.7**	**811.3**	**216.7**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal meningkat dengan ketara

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat kepada RM43.5 bilion pada suku pertama (S4 11: RM19.4 bilion). Sebahagian besar dana diperoleh sektor swasta terutamanya melalui terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS). Terbitan PDS baharu meningkat dengan ketara kepada RM44.8 bilion (S4 11: RM17.4 bilion), disebabkan terutamanya oleh satu terbitan hutang yang besar untuk membiayai satu penyatuan dan pengambilalihan. Walau bagaimanapun, dana yang diperoleh daripada pasaran ekuiti menurun kepada RM1.3 bilion. Dana diperoleh terutamanya melalui terbitan hak (RM0.8 bilion), manakala yang selebihnya diperoleh melalui tawaran awam awal dan penempatan persendirian atau tawaran jualan terhad. Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta dalam pasaran modal berjumlah RM29.8 bilion (S4 11: 3.5 bilion).

Dalam sektor awam, dana bersih yang diperoleh berjumlah RM13.7 bilion (S4 11: RM15.9 bilion). Dana diperoleh melalui terbitan baharu Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 10.5 tahun dan 15 tahun, Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issue, GII) 3.5 tahun, 5.5 tahun dan 7.5 tahun, dan pembukaan semula MGS 7 tahun.

Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2011			2012
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Oleh Sektor Awam	**24.6**	**15.9**	**45.6**	**13.7**
Sekuriti kerajaan, *bersih*	24.6	15.9	47.1	15.6
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*15.1*	*12.9*	*58.8*	*12.8*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*9.5*	*6.1*	*36.4*	*12.0*
Tolak: Penebusan	-	*3.1*	*48.1*	9.2
Bon Khazanah, *bersih*	-	-	-	-
Bon Simpanan, *bersih*	(0.1)	(0.0)	(1.6)	(1.9)
Oleh Sektor Swasta	**5.1**	**3.5**	**37.1**	**29.8**
Saham	1.1	3.8	12.6	1.3
Sekuriti hutang, *bersih*	4.0	(0.3)	24.5	28.5
Sekuriti Hutang Swasta	*12.2*	*17.4*	*69.6*	*44.8*
Tolak: Penebusan	*8.2*	*17.7*	*45.1*	*16.3*
Jumlah	**29.7**	**19.4**	**82.7**	**43.5**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas dan untuk tujuan modal kerja dan aktiviti perniagaan am.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keluk kadar hasil tanda aras mendatar

Pada suku pertama, kadar hasil MGS dipengaruhi oleh jangkaan pasaran terhadap pelarasan kadar dasar dalam persekitaran pertumbuhan global yang tidak menentu. Pada enam minggu pertama tahun 2012, kadar hasil MGS menurun berikutan para pelabur menjangkakan penurunan kadar dasar disebabkan oleh kemungkinan pemulihan ekonomi global yang semakin lembap. Dari pertengahan bulan Februari sehingga akhir bulan Mac, kadar hasil meningkat disebabkan oleh jangkaan terhadap penurunan kadar dasar yang berkurang disebabkan oleh tanda-tanda prospek pertumbuhan global yang bertambah baik. Secara keseluruhan, penanda aras MGS 3 tahun dan 5 tahun masing-masing mencatat peningkatan sebanyak 15 dan 11 mata asas, manakala MGS 10 tahun mencatat penurunan sebanyak 2 mata asas.

Kadar hasil bon korporat mencatat penurunan pada permulaan suku pertama, sejajar dengan kadar hasil MGS, tetapi menjadi stabil antara pertengahan bulan Februari sehingga bulan Mac. Kertas penarafan AAA, AA dan A 5 tahun masing-masing mencatat penurunan sebanyak 11, 20 dan 20 mata asas.

Kadar Hasil MGS (5 tahun) dan Kadar Hasil Bon Korporat (5 tahun)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon meningkat

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder meningkat kepada RM220 bilion pada suku pertama (S4 11: RM209 bilion). Keadaan mudah tunai yang bertambah baik adalah ketara dalam segmen MGS dan GII yang mencatat nisbah mudah tunai yang lebih tinggi, iaitu masing-masing pada 0.51 dan 0.45. Walau bagaimanapun, segmen PDS mencatat nisbah mudah tunai yang lebih rendah sedikit pada 0.07.

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

KLCI meneruskan trend menaik

FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI meningkat 65.6 mata untuk ditutup pada 1,596.3 mata pada suku pertama (akhir bulan Disember 11: 1,530.7), seiring dengan trend dalam pasaran global dan serantau. Indeks meningkat sebanyak 4.3% (S4 11: 10.4%), mencerminkan perkembangan positif dalam menangani krisis hutang kerajaan Eropah dan pengumuman data ekonomi yang menggalakkan daripada Amerika Syarikat, yang menyumbang kepada peningkatan keyakinan pelabur. Hasilnya, permodalan pasaran meningkat kepada RM1.36 trilion pada akhir bulan Mac 2012 (akhir bulan Disember 2011: RM1.28 trilion) manakala

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada 2012 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2011			2012
	Pada akhir			
	Mac	Dis	Tahun	Mac
Indeks harga				
Komposit	1,545.1	1,530.7	1,530.7	1,596.3
FBMEMAS[1]	10,612.5	10,489.1	10,489.1	10,939.6
Pasaran ACE[2]	4,333.5	4,068.6	4,068.6	4,583.8
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,311.0	1,284.5	1,284.5	1,355.4
Bilangan syarikat yang disenaraikan	954	941	941	939
	Pada tempoh suku			
	S1	S4	Tahun	S1
Urus niaga harian purata				
Jumlah (juta unit)	1,730.1	1,615.5	1,343.8	2,019.9
Nilai (RM juta)	2,233.9	1,411.7	1,566.1	1,977.8

[1] FBMEMAS mewakili indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

urus niaga purata harian meningkat kepada 2.02 bilion unit (S4 11: 1.62 bilion unit) pada suku pertama. Kepentingan terbuka dalam pasaran hadapan FBM KLCI meningkat kepada 29,962 kontrak pada akhir suku pertama 2012 (S4 11: 23,505).

Pada 21 Mei 2012, KLCI ditutup lebih rendah pada 1,538.9 mata (sejak akhir bulan Mac 2012: -3.60%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.29 trilion (sejak akhir bulan Mac 2012: -5.10%).

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2011						2012	
	S1		S4		Tahun		S1	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	102.1	131.8	98.5	86.1	329.2	438.2	119.2	116.4
Antaranya:								
Papan Utama	84.1	128.4	68.3	81.6	249.3	424.5	75.6	109.5
Antaranya								
Produk Pengguna	4.0	5.4	8.1	6.0	19.1	21.3	9.4	7.8
Produk Industri	18.8	21.2	14.6	10.7	51.8	60.5	13.3	16.7
Pembinaan	4.6	9.0	2.7	4.1	13.5	25.1	2.8	4.9
Dagangan/Khidmat	33.5	46.2	20.1	28.2	86.4	153.4	29.4	39.9
Kewangan	4.4	24.6	6.0	15.5	20.9	92.1	4.0	19.8
Harta Benda	12.8	9.6	8.4	6.7	34.3	31.4	7.8	6.5
Perladangan	2.4	8.2	2.0	4.9	7.4	23.9	1.7	5.8
Infrastruktur	1.1	2.4	1.3	2.6	4.0	9.3	2.0	3.4
Pasaran ACE[1]	8.3	1.2	18.7	2.7	47.7	7.5	27.7	4.3

[1] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Ringgit lebih kukuh berbanding dengan mata wang serantau dan kebanyakan mata wang utama

Trend penambahan nilai ringgit berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku terakhir 2011 berterusan sehingga dua bulan pertama 2012, berikutan pengumuman data ekonomi Asia dan AS yang lebih baik daripada jangkaan, dan kemajuan dalam menangani krisis hutang kerajaan di Eropah. Hasilnya, para pelabur lebih optimis dan berminat terhadap aset kewangan di rantau ini. Walau bagaimanapun, trend penambahan nilai ringgit ini sebahagiannya dikurangkan oleh pengeluaran dana daripada rantau ini oleh pelabur antarabangsa pada bulan Mac sebagai tindak balas terhadap pengumuman data yang lemah di Asia. Bagi suku pertama keseluruhannya, ringgit menambah nilai sebanyak 3.6% berbanding dengan dolar AS. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (9.6%) dan euro (0.4%), tetapi menyusut nilai sedikit berbanding dengan paun sterling (-0.1%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit bertambah kukuh dalam julat 0.1% hingga 3.8%.

Pada tempoh antara 1 April sehingga 21 Mei 2012, ringgit menambah nilai berbanding dengan euro (2.3%), tetapi menyusut nilai

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih
Peratus Perubahan (1 Januari - 31 Mac 2012)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

berbanding dengan yen Jepun (-5.4%), dolar AS (-2.0%) dan paun sterling (-1.1%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan won Korea (0.7%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan baht Thailand, dolar Singapura, rupiah Indonesia, peso Filipina dan renminbi China antara -0.6% hingga -1.6%.

Jumlah swap dan urus niaga hadapan mata wang asing terus meningkat

Jumlah swap dan urus niaga hadapan mata wang asing meningkat sebanyak 1.9% pada suku pertama. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh aktiviti perlindungan nilai oleh pengeksport tempatan yang menguruskan dedahan mata wang asing mereka secara proaktif melalui jualan ke hadapan dolar AS, berikutan jangkaan ringgit akan menjadi lebih kukuh. Sikap optimis yang semakin meningkat dalam pasaran kewangan juga menyebabkan kos menjadi lebih rendah dalam pasaran pendanaan dolar serantau dan dalam negeri. Berdepan dengan persekitaran ini, mata swap mata wang bersilang USD/RM 5 tahun menjadi lebih kecil daripada 240 mata asas pada suku keempat 2011 kepada 125 mata asas pada bulan Mac.

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S1 11	S4 11	S1 12	21 Jul 05	S1 11	S4 11
Dolar AS	3.8000	3.0259	3.1770	3.0680	23.9	-1.4	3.6
Euro	4.6212	4.2762	4.1118	4.0955	12.8	4.4	0.4
Paun sterling	6.6270	4.8687	4.8962	4.9008	35.2	-0.7	-0.1
100 yen Jepun	3.3745	3.6602	4.0975	3.7396	-9.8	-2.1	9.6
Dolar Singapura	2.2570	2.3994	2.4427	2.4405	-7.5	-1.7	0.1
100 baht Thailand	9.0681	9.9947	10.009	9.9433	-8.8	0.5	0.7
100 peso Filipina	6.8131	6.9637	7.2468	7.1407	-4.6	-2.5	1.5
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0347	0.0347	0.0334	15.7	4.0	3.8
100 won Korea	0.3665	0.2747	0.2746	0.2702	35.6	1.7	1.6
Renminbi China	0.4591	0.4617	0.5034	0.4870	-5.7	-5.2	3.4

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia